

09/04/2001

RIM minta kerajaan isytihar cetak rompak krisis nasional

PERSATUAN Industri Rakaman Malaysia (RIM) meminta kerajaan supaya mengisytiharkan cetak rompak, terutamanya yang membabitkan karya muzik sebagai krisis nasional.

Pengerusi RIM, Tony Fernandes, berkata mereka juga perlu menganggapnya sama serius seperti penyalahgunaan pil khayal Ectasy, selain gejala perjudian haram `mesin kuda' di kalangan orang ramai sebelum ini.

Apa yang dilihat, lanun cetak rompak menguasai kira-kira 70 peratus operasi perniagaan di negara ini, tidak kira dalam apa bidang sekalipun termasuk teknologi maklumat (IT), muzik, filem dan banyak lagi.

"Jika dibiarkan berterusan tanpa jalan penyelesaian sewajarnya, kita pasti ia akan tergugat. Cetak rompak boleh `membusukkan' nama baik negara di mata dunia.

"Kelak, ia boleh menghancurkan visi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memajukan bidang IT di negara ini. Mana ada pelabur asing yang `berani' ke sini bagi melabur dalam Koridor Raya Multimedia (MDC) jika negara dilabelkan sebagai `syurga' cetak rompak.

"Tentunya mereka tidak mahu menanggung risiko dan kerugian. Seperkara lagi, cetak rompak sememangnya boleh menghancurkan industri yang berdasarkan kreativiti dan intelektual di negara ini. Siapa yang rugi, kita juga," katanya, kepada Persada Seni, baru-baru ini.

Kata Fernandes, pihaknya sentiasa menyokong kerajaan berhubung pelaksanaan apa saja usaha bagi menghapuskan cetak rompak di negara ini.

"Kami tahu, kerajaan memang serius mahu menangani permasalahan ini. Ia terbukti menerusi penguatkuasaan Akta Cakera Optik 2000, begitu juga beberapa akta lain.

"Ia bagaikan membawa sinar baru terhadap usaha murni berkenaan. Apatah lagi, saya difahamkan akta itu berupaya memantau, seterusnya memerangi cetak rompak semua lapisan peringkat termasuk pengeluaran dan pemasaran," katanya.

Pada 29 Mac lalu, Fernandes pada sidang media Kempen Selamatkan Industri Muzik Tanah Air di Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan mengumumkan pihaknya akan menurunkan harga kaset dan CD tulen (album tempatan/album antarabangsa).

Ia yang berkuatkuasa pada 1 April lalu, membabitkan penurunan sebanyak 50 peratus daripada kadar semasa.

Langkah itu membabitkan RM9.90 bagi sekeping kaset berbanding RM16 hingga RM18 sebelum ini, selain RM19.90 (CD) berbanding kadar semasa sekitar RM35 hingga RM45.

Dia menjelaskan, program jualan murah itu akan dilaksanakan secara berperingkat, malah terbahagi kepada beberapa fasa, di mana fasa pertamanya dijadualkan berlangsung selama enam bulan daripada tarikh berkenaan.

Ia membabitkan kira-kira 200 judul album yang dibahagikan kepada tiga kategori - Album Tempatan (Melayu), Album Cina (Tempatan/Antarabangsa) dan Album Antarabangsa.

Malah RIM akan mempertingkatkan jumlah judul album berkenaan kepada 1,000 menjelang pertengahan Jun ini, bergantung kepada keadaan, selain sambutan orang ramai terhadapnya.

Apatah lagi, ia adalah sebagai percubaan mereka (RIM) untuk melihat sejauh mana keberkesannya bagi menurunkan kadar cetak rompak karya muzik.

Ia juga sebahagian daripada acara sampingan sempena pelancaran Kempen Selamatkan Industri Muzik Tanah Air oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di ibu negara, bulan ini.

Kata Fernandes, RIM menganggap penurunan harga kaset dan CD tulen sebagai langkah yang paling bijak pernah dilaksanakan oleh syarikat rakaman gabungan persatuan hiburan berpengaruh itu.

"Sebenarnya, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyarankan harga kaset dan CD tulen diturunkan. Beliau menganggapnya cara terbaik bagi menggalakkan orang ramai hanya membeli barangan asli, terutama karya muzik, seterusnya menyokong segala usaha memerangi cetak rompak di negara ini.

"Di sini, RIM ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri di atas saranannya dan sikap ambil berat beliau terhadap industri muzik," katanya.

(END)